

30/03/2002

Ketua Pengarah Ikim bersara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim, 65, menamatkan tugasnya esok setelah berkhidmat selama 10 tahun sejak institut itu ditubuhkan pada 1992.

Beliau akan digantikan Penolong Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Monir Abdul Yaacob, 55, berkuat kuasa 1 April ini yang akan memegang jawatan itu secara kontrak selama dua tahun.

Dr Ismail ketika ditemui hari ini, berkata, beliau percaya Dr Monir akan meneruskan usaha Ikim sebagai institut pemikir Islam dalam usaha membangunkan umat Islam di negara ini di samping menolak tanggapan negatif mengenai Islam.

Katanya, pengganti beliau iaitu Dr Monir mempunyai pengetahuan agama yang luas selain mempunyai visi untuk mengendalikan institut itu.

Beliau berkata, tugas utama Ikim kini adalah menghadapi cabaran baru selepas peristiwa 11 September apabila dunia Islam dikecam teruk oleh masyarakat dunia selain pergolakan yang mencabar umat Islam di negara ini.

"Ikim akan mampu meneruskan fungsinya sebagai institut pemikir Islam yang utama dan menjadi badan bebas dalam memastikan imej Islam terus terpelihara walaupun dunia menganggap Islam ialah keganasan dan kemunduran," katanya pada sidang akhbar sempena persaraan beliau esok, di Ikim di sini, hari ini.

Dr Ismail berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepadanya menerajui Ikim selama 10 tahun.

Katanya, beliau tidak pernah menulis surat kepada Perdana Menteri supaya jawatannya di sambung setiap tahun apabila kontraknya tamat.

"Saya percaya Perdana Menteri mempunyai sebabnya sendiri apabila saya tidak dilantik semula. Mungkin, Dr Mahathir berasakan Ikim perlu diterajui oleh muka baru," katanya.

Ditanya mengenai perancangan beliau selepas bersara, Dr Ismail berkata, akan memberi tumpuan kepada tugasnya sebagai Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan selain terus menjadi ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiah.

(END)